

BIDANG KEPAKARAN

1. Kesihatan Lautan dan Kelestarian Perikanan
(*Ocean Health and Fisheries Sustainability*)
2. Penilaian dan Pengurusan Risiko Alam Sekitar
(*Environmental Risk Assessment and Management*)
3. Perubahan Iklim dan Kemudahterancaman Perikanan
(*Climate Change and Fisheries Vulnerability*)

DR. LUBNA ALAM



PROFIL

Dr. Lubna Alam adalah Felo Penyelidik/Pensyarah di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah menerima PhD dalam Sains Lautan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana dalam Sains Marin dari universiti yang sama dan Sarjana Muda dalam Perikanan dari Universiti Rajshahi, Bangladesh. Minat penyelidikan Dr. Lubna tertumpu pada bidang kesihatan lautan dan kelestarian perikanan, penilaian dan pengurusan risiko alam sekitar, pemantauan kualiti air, pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim. Penyelidikan Dr Lubna menyumbang kepada sekuriti dan keselamatan makanan akibat perubahan iklim serta kesan antropogenik dalam sektor perikanan. Beliau terlibat sebagai ahli jawatankuasa aktif untuk membangunkan kursus mengenai Perikanan dan Perubahan Iklim di Universiti Kebangsaan Pukyong Korea Selatan, di bawah program Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dr. Lubna merupakan pelopor kepada "MyFishAd" di Malaysia dengan tujuan menyediakan garis panduan penggunaan yang selamat untuk produk ikan dan makanan laut. Pada masa ini, Dr Lubna sedang menyelaraskan kerjasama Ocean Malaysia yang dimulakan di Universiti Kebangsaan Malaysia melalui kerjasama bersama Ocean Canada. Matlamat Ocean Malaysia adalah selaras dengan Dekad Sains Lautan untuk Pembangunan Lestari (2021-2030) yang baru diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dr. Lubna juga telah dianugerahkan Pan Asia Risk Reduction Fellowship yang ditawarkan oleh organisasi terkenal START of United States dan menjalankan penyelidikan kerjasama antara Universiti Kebangsaan Malaysia, START, Amerika Syarikat dan Universiti Filipina Los Banos. Beliau juga merupakan penerima TWAS-UNESCO Fellowship yang ditawarkan oleh organisasi terkenal dunia iaitu The World Academy of Sciences. Dr. Lubna juga telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa eksekutif OWSD (Organization for Women in Science for the Developing World)-Malaysia Chapter. Matlamat utama beliau adalah mempromosikan kelestarian lautan demi kebaikan manusia sejagat.